



BULETIN INSTUN

INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

EDISI TERHAD / PERCUMA

BULANAN : EDISI SEPTEMBER 2023

PENAUNG:
Tuan Khairin Nazry bin Karim

PENASIHAT:
Encik Khairil Akhtar bin Ghazali

KETUA EDITOR:
Encik Abdul Rashid bin Omar

REKAAN & GRAFIK:
Encik Wan Mohd Firdaus
bin Wan Mohd Zahari

SIDANG EDITORIAL:
UKP RND
UKP BUP
UKP BPPT
UKP BTM
PRO INSTUN

Dari Ketua Editor

Syukur ke hadrat Ilahi, Buletin Bulan September 2023 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan September. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelaras Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Encik Abdul Rashid bin Omar
Ketua Seksyen Perhubungan Awam INSTUN

ISSN 2600-853X



KARNIVAL JUBLI PERAK INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA

23 Hingga 24 September 2023 (Sabtu - Ahad)

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah berjaya mengadakan Karnival Jubli Perak INSTUN pada 23 dan 24 September 2023. Seramai 4,500 pengunjung telah hadir menjayakan karnival ini sepanjang dua hari berlangsung di Kompleks INSTUN. Pelbagai aktiviti menarik telah disajikan antaranya:

- a. Fun Run 5km
- b. Fun Ride 25km
- c. Explorace
- d. Sukaneka untuk kanak-kanak
- e. Sukan rakyat
- f. Pertandingan Memancing di tasik INSTUN
- g. Ceramah Perdana
- h. Seminar Harta Pusaka
- i. Kolokium Penyelidikan Pembangunan dan Pentadbiran Tanah
- j. Konvoi motorsikal berkuasa tinggi
- k. Pelbagai jualan/gerai-gerai makan/car boot sales
- l. Jualan Bundle
- m. Pameran agensi Kerajaan dan swasta
- n. Soopa doopa dan bermacam-macam lagi program akan diadakan



Acara kemuncak bagi karnival ini adalah sesi penanaman kapsul masa INSTUN. Kapsul masa ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Kapsul masa ini dijangka akan dibuka semula pada tahun 2038.

BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI SEPTEMBER 2023



KURSUS KHAS PENTADBIRAN TANAH DI NEGERI SABAH

4 September 2023 (Isnin)

AKTIVITI : Kursus Khas Pentadbiran Tanah di Negeri Sabah

TARIKH : 4 September 2023

TEMPAT : Bilik Seminar Kelantan, Bangunan SUP Sabah

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus ini telah dihadiri seramai 47 orang pegawai dari pelbagai agensi dan jabatan Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Sabah. Objektif kursus memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan dalam aspek pentadbiran tanah di Negeri Sabah. Penceramah dari Jabatan Tanah dan Ukur Sabah Tuan Gilbert Gondungan dan Tuan Terence Siew Chi Kong



KURSUS KHAS TANAH BAGI ANGGOTA PENTADBIRAN TANAH: KUMPULAN PELAKSANA

4 Hingga 8 September 2023 (Isnin - Jumaat)

AKTIVITI : Kursus Khas Tanah Bagi Anggota Pentadbiran Tanah: Kumpulan Pelaksana

TARIKH : 4-8 September 2023

TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Pembangunan Tanah

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus ini telah dihadiri seramai 20 orang pegawai dari Pejabat Tanah dan Daerah di Semenanjung Malaysia. Objektif kursus memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan dalam aspek pentadbiran tanah. Penceramah INSTUN En Zahar bin Sapar, En Abnorhady bin Abu Bakar, Pn Noranizawaty binti Yusof, Pn Nor Rahayu binti Ibrahim, Tuan Zulhasmi bin Mohamad dan En Azman bin Mad Dali. Pencermah jemputan En Haziq Syuwari bin Mahadir dari PDT Perak Tengah, Puan Maslinda binti Mohamad dari JAKOA dan En Suraidy bin Suait dari Bahagian Pusaka JKPTG.





BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI SEPTEMBER 2023

LAPORAN BULETIN TP12/23

5 Hingga 6 September 2023 (Selasa - Rabu)

AKTIVITI : Kursus Dalam Talian : Asas Pembangunan Tanah

TARIKH : 5 - 6 September 2023

TEMPAT : Dalam Talian

PENCERAMAH : · Encik Abnorhady Bin Abu Bakar
· Encik Zahar Bin Sapar
· Encik Zamirzan Bin Puji

RINGKASAN PROGRAM :

Kursus ini telah dihadiri seramai 64 orang terdiri daripada pegawai JKPTG, PTG, PTD, pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Objektif kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman asas mengenai aspek pembangunan tanah.

Kandungan Kursus:

1. Tukar Syarat dan Jenis Penggunaan Tanah Pecah Sempadan, Pecah Sempadan dan Tukar Syarat Serentak
 2. Pecah Bahagian dan Penyatuan Tanah
 3. Serahbalik, Serahbalik & Berimilik Semula
 4. Peranan dan Fungsi Pusat Pemprosesan Setempat (OSC)
 5. Keperluan dan Syarat Pembangunan Berdasarkan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976

JUBLI PERAK INSTUN

Kursus Dalam Talian

ASAS PEMBANGUNAN TANAH

TP12/23 - KURSUS DALAM TALIAN
ASAS PEMBANGUNAN TANAH

6 SEPTEMBER 2023

9.00 PAGI – 10.30 PAGI
SLOT 4
SERAHBALIK, SERAHBALIK DAN BERSEMULA

10.30 PAGI – 10.50 PAGI
REHAT

11.00 PAGI – 100 PTG
SLOT 5
KEPERLUAN SYARAT PEMBANGUNAN BERDASARKAN AKTA PERANCANG BANDAR DAN DESA DAN FUNGSI OSC

2.30 PTG - 3.00 PTG
UIJIAN DAN PENILAIAN KURSUS

PARA PESERTA DIMOHON MEMPERKENALKAN DIRI, NAMA DAN JABATAN DI CHATBOX ZOOM BAGI PROSES PENGESAHAN KEHADIRAN

“ 25 Tahun INSTUN ”
“ Melakar Kegemilangan, Mendahului Cabaran ”

JUBLI PERAK INSTUN
JUBLI PERAK INSTUN



BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI SEPTEMBER 2023



LAWATAN KERJA KE PLANETARIUM NEGARA

6 September 2023 (Rabu)

AKTIVITI : LAWATAN KERJA KE PLANETARIUM NEGARA

TARIKH : 6 September 2023 / 20 Safar 1445H

RINGKASAN PROGRAM:

Pasukan Balai Cerap Tan Sri Harussani (BCTSH) INSTUN telah mengadakan lawatan kerja selama satu hari di Planetarium Negara. Tujuan lawatan adalah untuk membincangkan penyediaan bahan pameran selain mendapatkan pandangan tentang idea-idea persiapan galeri BCTSH.

Sedikit taklimat berkenaan Planetarium Negara telah disampaikan oleh Encik Mohd Zamri Shah bin Mastor selaku Ketua Penolong Pengarah Kanan serta Encik Jong Tze Kian, Ketua Penolong Pengarah. Diantara perkara yang dikongsikan semasa sesi taklimat ialah peranan dan hala tuju Planetarium Negara dalam mencapai objektif mereka.

Di akhir sesi pertemuan, pihak Planetarium Negara berbesar hati menghadiahkan beberapa bahan pamerannya kepada Balai Cerap Tan Sri Harussani INSTUN untuk dipamerkan di galeri BCTHS. INSTUN mengucapkan terima kasih di atas kesudian menerima kunjungan hormat ini dan pemberian bahan tersebut.



MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA BALAI CERAP INSTUN

14 September 2023 (Khamis)

AKTIVITI : MAJLIS PENYERAHAN SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA BALAI CERAP INSTUN

TARIKH: 14 September 2023 / 28 Safar 1445H

RINGKASAN PROGRAM:

Majlis penyerahan Sijil Siap Kerja (CFC) telah diadakan pada 14 September 2023 pada hari khamis. Sebuah Balai Cerap yang menelan kos RM 7,086,786.00 telah mula dibangunkan pada tahun 2021 lalu.

Mengguna pakai rekaan bumbung berbentuk "Dome" dan "Roll of Roof", menjadikannya sebagai sebuah balai cerap yang ikonik di negeri Perak. Pada majlis berkenaan, pegawai –pegawai daripada Jabatan Kerja Raya dan INSTUN serta kontraktor utama turut diundang.

Selesai majlis penyerahan Sijil Perakuan Siap Kerja, semua hadirin dipelawa untuk mengambil gambar beramai-ramai bagi merakamkan momen istimewa ini. Pihak INSTUN merakamkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam majlis yang sederhana ini.



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

BULANAN : EDISI SEPTEMBER 2023



KURSUS MOODLE LEARNING MANAGEMENT SYSTEM (LMS)

14 Hingga 15 September 2023 (Khamis - Jumaat)

Tajuk : Kursus Moodle Learning Management System (LMS)

Tarikh : 14 – 15 September 2023 (Khamis)

Lokasi : Pusat Kecemerlangan Multimedia (PKMM), Blok Akademik B

Penglibatan : INSTUN

Ringkasan Program :

Sistem Self Directed Learning (SDL) telah dibangunkan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Selaras dengan dasar kerajaan untuk menggalakkan lagi penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), pembelajaran berterusan dan pengajaran sepanjang hayat dalam kalangan penjawat awam.

Sistem SDL ini dibangunkan menggunakan perisian Moodle yang merupakan satu platform pengurusan pengajaran dan pembelajaran dalam talian (LMS). Perisian Moodle ini membolehkan pengurusan kursus dalam talian di mana penceramah boleh memuat naik bahan pembelajaran seperti nota, video, gambar serta mengatur tugas, ujian dan akhirnya mengeluarkan satu (1) sijil kepada peserta yang telah berjaya menamatkan kursus.

Dengan itu, kursus berkaitan perisian Moodle diadakan untuk pentadbir sistem dan pengguna sistem bagi mempelajari berkaitan peranan pentadbir sistem, pengurusan sistem, penggunaan sistem dan cara pengurusan pengguna sistem serta kandungan kursus. Kursus ini dihadiri oleh wakil - wakil dari Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah serta Bahagian Ukur dan Pemetaan.





BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

BULANAN : EDISI SEPTEMBER 2023

PERBINCANGAN KUMPULAN BERFOKUS (FGD) PEMBANGUNAN DASAR LATIHAN SEKTOR TANAH, UKUR DAN GEOSPATIAL NEGARA

12 September 2023 (Selasa)

Tarikh : 12 September 2023

Tempat : Dewan Kuliah Induksi, Blok Akademik B, INSTUN

Penglibatan : Pengurusan Tertinggi INSTUN, Pemegang Taruh INSTUN, Wakil Bahagian dan Urusetia Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)

Proses Pembangunan Dasar Latihan Sektor Tanah, Ukur dan Geospatial Negara (DLSTUGN) melangkah ke fasa seterusnya iaitu pengumpulan maklumat dasar melalui Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD). FGD ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan, idea dan cadangan penambahbaikan berkaitan lima (5) fokus utama dasar iaitu:

- i. Objektif;
- ii. Asas – asas Keperluan Dasar Latihan;
- iii. Strategi Pelaksanaan Latihan;
- iv. Struktur Latihan; dan
- v. Kuasa & Tanggungjawab.

Perbincangan telah diadakan secara berkumpulan yang dibahagikan mengikut bidang iaitu Bidang Tanah, Bidang Ukur dan Pemetaan dan Bidang Geospatial. FGD yang julung – julung kali diadakan ini telah mendapat sokongan yang baik dari 28 orang jemputan luar yang terdiri daripada pakar-pakar dari agensi berkaitan Sektor Tanah, Ukur dan Geospatial, yang hadir memberikan pelbagai komen dalam pembangunan dasar ini. Perbincangan ini juga telah dibantu dengan wakil wakil bahagian di INSTUN yang bertindak sebagai fasilitator dalam memimpin perbincangan.

FGD selama satu (1) hari ini telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang dengan keterlibatan semua pihak, termasuk Pengarah INSTUN, Encik Khairin Nazry bin Karim.



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN



BULANAN : EDISI SEPTEMBER 2023

SESI PERSEMBAHAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN HARI INOVASI INSTUN TAHUN 2023

13 September 2023 (Rabu)

Tarikh : 13 September 2023

Tempat : Auditorium, INSTUN

Penglibatan : Pengurusan Tertinggi INSTUN, peserta dari setiap Bahagian dan Urusetia Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)

INSTUN menganjurkan Sambutan Hari Inovasi INSTUN pada setiap tahun bagi menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif di kalangan kakitangan INSTUN. Hari Inovasi ini diserikan dengan penganjuran program-program peningkatan ilmu dan pertandingan-pertandingan yang menajamkan minda serta menyerlahkan kreativiti warga INSTUN.

Terdapat empat (4) jenis pertandingan yang telah diadakan sempena Sambutan Hari Inovasi Tahun 2023 iaitu Penulisan Penyelidikan, Penulisan Artikel, Poster Penyelidikan/Ilmiah dan Pertandingan KIK. Sehubungan itu, Sesi Persembahan Pertandingan KIK telah diadakan pada 13 September 2023.

Pertandingan kali ini telah disertai oleh lima (5) kumpulan dengan cadangan projek masing-masing yang berkONSEP Inovasi Penambahbaikan.

BIL	KUMPULAN	TAJUK PROJEK
1.	KUMPULAN ACE	TREX N GO
2.	INSPIRE	MYINSTUN
3.	S'AFANY	EYE ON INSTUN
4.	WHATSLAND	WHATSAPP@BPPT
5.	PNK SOLUTION	AdminCARE





BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

BULANAN : EDISI SEPTEMBER 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA VERIFIKASI MODUL / KURIKULUM SEKTOR TANAH DAN UKUR TAHUN 2024

14 September 2023 (Khamis)

Tarikh : 14 September 2023

Tempat : Bilik Persidangan, Anjung INSTUN

Penglibatan : Pengurusan Tertinggi INSTUN, Wakil Bahagian dan Urus setia Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)

Berdasarkan MS ISO 9001: SISTEM PENGURUSAN LATHAN INSTUN, tujuan Mesyuarat Jawatankuasa Verifikasi Modul/ Kurikulum Sektor Tanah dan Ukur Negara ini adalah bagi meluluskan modul/ kurikulum STUN 2024 yang telah dibangunkan bagi tujuan penyediaan Buku Program Latihan Sektor Tanah dan Ukur Negara.

Mesyuarat yang dilaksana sekali setahun ini membincangkan secara terperinci penambahbaikan modul latihan yang telah dibangunkan hasil daripada Sesi Pemukiman Pembangunan dan Penambahbaikan Modul/ Kurikulum Sektor Tanah dan Ukur Negara Tahun 2024.



MESYUARAT BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN BIL.4/2023

21 September 2023 (Khamis)

Tarikh : 21 September 2023

Tempat : Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, Blok Akademik A

Pada 21 September 2023 (Khamis) Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah mengadakan mesyuarat bahagian bilangan 4 di Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster, Blok Akademik A dengan jayanya.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Bahagian BPP, Encik Khairil Akhtar bin Ghazali dan telah dihadiri oleh kakitangan BPP seramai 15 orang.

Mesyuarat kali ini membentangkan tentang penyusunan semula carta organisasi BPP dan gerak kerja yang sedang dilakukan oleh setiap seksyen. Pembahagian tugas untuk pertandingan memancing dan pameran semasa Karnival INSTUN juga telah dibincangkan dalam mesyuarat supaya aktiviti berjalan dengan lancar.



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN



BULANAN : EDISI SEPTEMBER 2023

KARNIVAL JUBLI PERAK INSTUN

23 Hingga 24 September 2023 (Sabtu - Ahad)

Tarikh : 23-24 September 2023

Tempat : Perkarangan Anjung dan Tasik INSTUN

Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah diberi amanah untuk menjadi urus setia Pertandingan Memancing dan Pameran untuk Karnival INSTUN.

Pertandingan memancing telah diadakan di Tasik, INSTUN dan peserta mula memancing pada pukul 2.30 petang. Seramai 70 orang peserta telah menyertai pertandingan memancing dan para peserta membawa joran masing-masing mengikut maklumat yang telah didaftar. Tempat pertama membawa wang tunai bernilai RM 500, tempat kedua RM 300 dan tempat ketiga RM 200. Pertandingan ini ditamatkan dengan sesi fotografi bersama para pemenang dan urus setia.

Sebanyak 18 agensi terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta serta Jualan Rahmah Kasih Sayang anjuran KPDN Negeri Perak telah menyertai karnival pada kali ini. Antara agensi yang terlibat dalam pameran ialah :

- | | | |
|--|---|--|
| i. Majlis Daerah Tanjung Malim (MDTM); | ix. Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah; | xvii. Didi Motors; |
| ii. Pejabat Daerah dan Tanah Muallim; | x. Universiti Sultan Azlan Shah; | xviii. IJR Ventures Sdn Bhd; |
| iii. Lembaga Tabung Hajji; | xi. Jabatan Agama Islam Negeri Perak; | xix. Klinik Gigi bergerak; |
| iv. Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Perak; | xii. CUEPACS; | xx. Zakat bergerak; dan |
| v. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Tanjung Malim; | xiii. AIA; | xxi. Jualan Rahmah Kasih Sayang KPDN Negeri Perak. |
| vi. Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muallim; | xiv. CUCKOO; | |
| vii. LPPKN; | xv. TNB; | |
| viii. UTHM; | xvi. PRUDENTIAL; | |



MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN ANUGERAH DAN HARI INOVASI INSTUN TAHUN 2023

26 September 2023 (Selasa)

Tarikh : 26 September 2023

Tempat : Bilik Persidangan, Anjung INSTUN

Penglibatan : Pengurusan Tertinggi INSTUN dan Urusetia Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)

Penganjuran pertandingan sempena Sambutan Hari Inovasi peringkat INSTUN tahun 2023 telah selesai dilaksana dan terdapat peningkatan penyertaan dari pihak luar dan warga INSTUN sendiri. Bagi menentukan dan memuktamadkan para pemenang, satu Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Anugerah dan Hari Inovasi telah diadakan pada 26 September 2023. Mesyuarat ini bertujuan bagi meluluskan penganjuran Hari Inovasi INSTUN yang akan dicadang untuk diadakan pada 19 Oktober 2023.



Tahukah Anda

Dimanakah INSTUN dan Cara Memohon Kursus Online



PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

Pengarah

Institut Tanah dan Ukur Negara
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Behrang Ulu, 35950 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 Faks : 05-454 2837

Laman Web : www.instun.gov.my

Tarikh Tutup Permohonan :

Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :

Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

1 Pendaftaran Akaun Baru

- Taip url espek.instun.gov.my.
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akaun akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat – untuk melihat maklumat terperinci kursus.
 - Mohon – untuk memohon kursus.
- Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".
- Klik butang cari.

7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna berserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut:
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Kemaskini Permohonan – untuk mengemasuki maklumat di dalam borang.
 - Batalkan Permohonan – untuk membatalkan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut:
 - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
 - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengantti.
 - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
 - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemasuki borang permohonan
 - Penilaian – untuk mengisi borang penilaian kursus
 - Ujian – untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus, akan paparkan butang berikut:
 - Lihat Borang Permohonan – untuk lihat borang permohonan
 - Rekod Kehadiran – untuk melihat rekod kehadiran kursus
 - Lihat Jawapan Ujian – untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

12 Pengumuman / Berita

- Individu – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemasuki profil peribadi.